

Hubungan antara Motivasi dan Sikap dengan Penguasaan Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah (*The Relationship between Motivation and Attitude towards Student Mastery in Elementary School History Subjects*)

Nur Dini Mohd Supian^{1*}, Mohd Mahzan Awang¹, Norasmah Othman¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor

*Pengarang Koresponden: ndmohdsupian@gmail.com

Received: 25 December 2023 | Accepted: 15 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.5>

Abstrak: Motivasi merupakan antara faktor utama bagi membantu murid menguasai sesuatu mata pelajaran. Namun, murid selalu digambarkan tidak bermotivasi dan tidak menunjukkan minat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran terutama dalam mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, satu kajian dilaksanakan yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi dan sikap murid dalam mata pelajaran Sejarah serta hubungannya dengan tahap penguasaan murid. Seramai 196 orang murid tahun enam dari Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dilibatkan dalam kajian. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Dapatan melaporkan bahawa tahap motivasi murid berada pada tahap sederhana tinggi manakala tahap sikap murid dalam mata pelajaran pula berada pada tahap sederhana rendah. Ujian korelasi Pearson pula melaporkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah. Ini bermakna motivasi dan sikap murid memainkan peranan penting bagi membolehkan mereka menguasai mata pelajaran Sejarah. Hal ini dilihat dapat membantu mengubah stigma murid yang negatif tentang mata pelajaran Sejarah seperti membosankan dan berpusatkan guru. Implikasi dari kajian ini adalah kepada pihak-pihak yang berkepentingan agar sentiasa memberi penekanan terhadap motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam diri murid. Tindakan ini berupaya mendorong sikap positif murid terhadap mata pelajaran Sejarah dan seterusnya boleh meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran Sejarah.

Kata Kunci: Motivasi, Sikap, Penguasaan Murid

Abstract: Motivation is one of the key factors in helping students master a subject. Nevertheless, students were described as unmotivated and uninterested in History teaching and learning sessions. Thus, the study aims to identify the level of motivation and attitude of students in history subjects, as well as their relationship to the mastery of the students in this subject. The study uses questionnaires as instruments of study distributed face-to-face. 196 respondents were selected by random sample consisting of six-year-olds in several schools in Putrajaya Federal Territory. Results from data analysis carried out through SPSS software report that there are five main constructs: intrinsic motivation, extrinsic motivation, positive attitude, negative attitude and student mastery in History subjects. Study revenues report that the level of motivation of students is at the middle level high while the levels of attitude of students in these subjects are at the low middle level. The Pearson correlation test found that there was a significant relationship between motivation and attitude with the mastery of

students in history subjects. This means that the motivation and attitude of the student plays an important role in mastering the subject of History. It's seen to help change the negative student's stigma about such historical subjects as boring and centered teachers. In this connection, the implications of this study suggest that the parties involved give emphasis to the instructive motivation and extrinsic motivation in the pupils so that a positive attitude can be nurtured further increase their level of mastery in the History subjects.

Keywords: Motivation, Attitude, Student Mastery

1. Pendahuluan

Sejarah telah dikenal pasti sebagai satu medium bagi mendalami persekitaran kemanusiaan (Soyer, Kivanc & Caganaga 2019). Peranan utama dalam mempelajari Sejarah adalah bertujuan untuk menghubungkan peristiwa yang telah berlaku dengan masa kini (Nuttall 2021). Selain itu, melalui penghayatan dalam mata pelajaran Sejarah, seseorang dapat mengetahui asal-usul negara dengan baik dan mendidik generasi muda tentang perjuangan tokoh-tokoh terdahulu (Samsudin & Shahizan 2012). Mata pelajaran Sejarah juga bukan sahaja penting sebagai salah satu subjek dalam kurikulum sekolah namun bertindak sebagai sumber ilmu pengetahuan dalam kehidupan (Ndim 2021). Di Amerika Syarikat, pengenalan mata pelajaran ini adalah untuk memastikan negara Amerika kekal stabil kerana negara tersebut mempunyai kaum dari pelbagai latar belakang (Gopnik 2023). Di samping itu, setiap murid di Amerika juga perlu mengetahui asal-usul dan perubahan yang telah berlaku dalam negara mereka melalui mata pelajaran ini khususnya berkaitan dengan sistem pemerintahan negara tersebut (*National Assessment Governing Board 2018*).

Di Malaysia pula, bagi menerapkan rasa cinta kepada negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (KPM, 2014) telah memperkenalkan mata pelajaran Sejarah dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2014. Melalui mata pelajaran tersebut, murid didedahkan kepada tiga tema utama iaitu Sejarah Awal Negara, Kedaulatan Negara dan Kemakmuran Negara Kita. Antara matlamat pembelajaran mata pelajaran tersebut adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan tentang Sejarah negara. Murid juga dapat mengetahui, memahami dan menghayati bagaimana negara membangun sehingga dapat menzahirkan rasa cinta mereka kepada negara (KPM 2017). Langkah ini dilihat sangat signifikan bagi mendukung cita-cita murni untuk melahirkan warganegara yang cemerlang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Zunaida, Abdul Razaq & Mohd. Mahzan 2015).

2. Penyataan Masalah

Kaedah pembelajaran Sejarah telah sinonim dengan kaedah menghafalan fakta yang menyebabkan mata pelajaran ini tidak digemari oleh murid-murid di sekolah (Isik 2008). Bagi memastikan kaedah pengajaran dan silibus mata pelajaran Sejarah di Malaysia relevan semakan KSSR Sejarah telah dilaksanakan pada tahun 2017 (Hayati 2016). Namun walaupun semakan telah dilaksanakan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2022 tetap menunjukkan kegagalan dalam penguasaan murid terhadap mata pelajaran ini. Ini terbukti apabila dilaporkan sebanyak 8.4 peratus calon tidak layak untuk mendapatkan sijil tersebut ekoran daripada gagal dalam mata pelajaran Sejarah (Nor Fazlina 2023). Perkara ini tidak boleh dipandang rendah kerana terdapat banyak kajian melaporkan keadaan murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah dilaksanakan. Murid digambarkan sebagai tidak bermotivasi dan tidak

menunjukkan minat semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Gambaran ini telah menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah membosankan (Hazri 2003; M. Kaviza 2019).

Kurangnya minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah juga dilaporkan berkorelasi dengan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah yang digunakan guru (Ambika, Maskun & Arif 2017). Guru didapati masih banyak menggunakan kaedah PdP berpusatkan guru seperti kaedah “*chalk and talk*” dan terlalu bergantung dengan (Siti Hawa 2008). Amalan kaedah tradisional ini menjadi salah satu punca kepada sikap negatif murid terhadap mata pelajaran Sejarah (Anuar & Nelson 2015; Zahara 2000). Guru-guru perlulah menyediakan satu kaedah pembelajaran Sejarah yang bermakna dan berkesan kepada murid-murid (Abdul Muis, Ulung & Hisarma 2023).

Selain itu, sikap dan motivasi murid juga dipengaruhi dengan kenyataan tentang mata pelajaran Sejarah sebagai masa lampau dan dianggap sebagai mata pelajaran yang membuang waktu (Ismaun 2001). Tanggapan murid terhadap mata pelajaran Sejarah iaitu tiada nilai ekonomi dan tidak dapat dijadikan sebagai jaminan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik telah menjadikan mereka kurang bermotivasi untuk mempelajari Sejarah (Sharipah Aini & Arba'iyah 2016). Tindakan ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada penguasaan mereka dalam mata pelajaran ini.

Sehubungan dengan itu, terdapat satu keperluan untuk pengkaji melaksanakan kajian dengan berlandaskan empat objektif iaitu:

- a) Mengetahui tahap motivasi murid dalam mata pelajaran Sejarah
- b) Mengetahui tahap sikap murid dalam mata pelajaran Sejarah
- c) Mengetahui hubungan antara tahap motivasi murid dengan penguasaan dalam mata pelajaran Sejarah dan
- d) Mengetahui hubungan antara tahap sikap murid dengan penguasaan dalam mata pelajaran Sejarah.

3. Tinjauan Literatur

3.1 Motivasi dengan Penguasaan Akademik Murid

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan bagi mengkaji hubungan antara motivasi dengan penguasaan akademik murid. Dhakal (2020) telah menghuraikan faktor-faktor yang dapat dikaitkan dengan penguasaan akademik murid di sekolah. Antara faktor tersebut adalah seperti faktor sekolah, faktor ibu bapa dan faktor pelajar. Muhamad Shafiq dan Noraini (2018) juga telah menjelaskan dalam kajian mereka bahawa kaedah pembelajaran, pendekatan pengajaran guru dan sikap murid dapat menyumbang kepada peningkatan penguasaan dan prestasi murid dalam pembelajaran.

Motivasi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) telah didefinisikan sebagai keinginan yang kuat atau semangat yang tinggi dalam diri seseorang. Keinginan ini akan mendorong seseorang untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik mempunyai pengaruh yang amat besar dalam membentuk tingkah laku murid dalam pembelajaran (Fariza & Mohd Jasmy 2018). Di samping itu, motivasi juga bertindak sebagai penggerak atau pembangkit dalam mengawal minat seseorang terhadap sesuatu perkara (Konaen, Siti, Fadzilah & Samsilah 2019). Motivasi yang tinggi sama ada dari segi dalaman atau luaran akan menjadikan murid berusaha memajukan dirinya untuk mencapai matlamat yang telah dijangka. Manakala, kekurangan motivasi dalam kalangan murid pula akan memberikan kesan negatif terhadap perkembangan murid dalam penguasaan

pembelajaran di sekolah (Mohd Zaki 2009). Murid yang tidak mendapat dorongan yang betul untuk melakukan tingkah laku yang baik akan terdorong untuk menunjukkan kelakuan yang tidak baik. Menurut Yilmaz, Sahin dan Turgut (2017), motivasi mempunyai kesan dalam pemprosesan maklumat oleh murid serta dapat meningkatkan tahap kognitif murid ketika proses tersebut berlaku. Hal ini menjadikan murid lebih mudah untuk memahami maklumat yang disampaikan oleh guru.

Amraei, Elahi, Zalani dan Parhoon (2011), telah menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti korelasi antara motivasi akademik dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Universiti Tehran. Seramai 225 orang pelajar telah dipilih untuk menjawab soal-selidik. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penguasaan akademik pelajar memerlukan gabungan pelbagai jenis motivasi seperti persaingan antara pelajar, usaha sendiri, pujian dan ganjaran. Namun, dapatan kajian Puteri Nazlin (2020) pula menyatakan bahawa motivasi tidak mempengaruhi pencapaian dan penguasaan dalam akademik. Kajian yang bertujuan untuk menguji kebenaran Teori *Self-Determination Theory* ini telah dijalankan kepada 50 orang responden dari Kolej Komuniti Arau. Berdasarkan kajian ini, telah didapati tiada hubungan antara ketiga-tiga konstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan amotivasi dengan pencapaian serta penguasaan akademik pelajar.

3.2 Sikap dengan Penguasaan Akademik Murid

Sikap ditakrifkan sebagai perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat atau fikiran seseorang (Dewan Bahasa dan Pustaka 2007). Bagi Norhazira, Sahril dan Nor Ajratul (2021), sikap mempunyai implikasi yang sangat penting dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Sikap positif atau negatif murid akan mengakibatkan wujudnya perasaan tidak suka kepada aktiviti fizikal.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Moses dan Mbing (2019), seramai 54 orang murid diambil sebagai responden daripada 229 orang pelajar Jabatan Pendidikan Biologi. Hasil kajian menyimpulkan bahawa sikap murid untuk menguasai pembelajaran adalah berpunca daripada motivasi sama ada intrinsik atau ekstrinsik. Carmel dan Yossi (2016) juga telah melaporkan bahawa sikap murid yang diskruptif akan memberikan impak negatif kepada penguasaan akademik bagi diri mereka juga rakan sekelas. Kajian yang dilakukan terhadap 2422 orang murid di sekolah Yahudi telah memperlihatkan bahawa sikap murid amat memainkan peranan yang besar dalam tahap penguasaan akademik.

3.3 Sekolah, Guru dan Keluarga dengan Penguasaan Akademik Murid

Faktor keluarga seperti bantuan dan sokongan yang padu daripada ibu bapa dapat mempengaruhi keputusan akademik murid di sekolah (Demie, Lewis & Mclean 2007). Tambah mereka, di United Kingdom, sokongan ibu bapa dalam kalangan murid Somalia di sana adalah tidak memberangsangkan telah memberi impak yang negatif dalam penguasaan akademik mereka.

Faktor sekolah dan guru juga memainkan peranan dalam membina suasana pembelajaran yang kondusif agar prestasi murid dalam akademik dapat ditingkatkan seperti keadaan sekolah dan ciri bilik darjah yang sesuai (Mullis et al. 2012). Bagi Riska Yurnaliza dan Totoh Andayono (2019) pula, kaedah pengajaran guru dan cara penyampaian yang sesuai dipercayai dapat meningkatkan pemahaman murid tentang sesuatu konsep. Selain itu, perkara ini dapat memberikan impak yang positif terhadap prestasi murid dalam pembelajaran tersebut.

Ghanney dan Aniagyei (2014), telah menyatakan bahawa kekurangan fasiliti, pengurusan sendiri murid yang lemah, pengabaian ibu bapa terhadap keperluan anak-anak dan pengajaran guru yang terhad telah memberikan kesan terhadap penguasaan akademik murid. Dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Yilmaz, Sahin dan Turgut (2017), sebanyak 165 kertas kajian telah dipilih melalui semakan dokumen dan analisis kandungan. Hasil perbincangan mendapati faktor terpenting yang mempengaruhi motivasi murid ialah opsyen guru, cara pengurusan kelas dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pembelajaran.

Kajian oleh Jublin, Saemah dan Shahlan (2021) juga telah menjelaskan bahawa perhatian guru merupakan faktor yang dapat memberikan impak kepada murid dalam usaha meningkatkan penguasaan mereka dalam pembelajaran. Kajian yang dilakukan kepada 328 orang pelajar Tingkatan Empat di Daerah Samarahan, Sarawak yang dipilih melalui teknik persampelan berstrata. Melalui kajian ini, dapatan kajian telah berjaya mengenal pasti bahawa terdapat beberapa faktor seperti aplikasi yang mudah guna, keseronokan dan keyakinan diri murid dapat mempengaruhi motivasi dalam diri mereka.

4. Metodologi

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif ini merupakan salah satu pendekatan yang bersifat angka dan dijalankan melalui pengumpulan data daripada responden yang banyak (Mohd Zuhairil 2019). Data ini memerlukan sekurang-kurangnya melebihi 10 sampel bagi mengukur sesuatu pemboleh ubah yang digunakan dalam penyelidikan (Krejcie & Morgan 1970; Cohen 1992; Ang Kean Hua 2016). Kajian penyelidikan ini menggunakan kaedah tinjauan dan tujuan penyelidikan ini adalah untuk mencari penjelasan antara hubungan motivasi dan sikap dengan penguasaan dalam mata pelajaran Sejarah.

4.2 Populasi dan Responden

Populasi kajian adalah seramai 391 orang murid sekolah rendah tahun Enam dari Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP). Sekolah rendah yang terlibat dalam kajian dipilih secara rawak bagi memastikan pelaksanaan kajian tidak bias kepada sesetengah pihak. Lokasi kajian pula dipilih adalah kerana WPP memiliki latar belakang sosioekonomi murid yang tidak mempunyai perbezaan ketara. Menurut Kementerian Wilayah Persekutuan (2022), sektor perkhidmatan merupakan peneraju utama kepada ekonomi di WPP. Majoriti penduduk bekerja dalam sektor kerajaan, bertugas sebagai penjawat awam, serta mempunyai pendapatan tetap dan stabil (Jabatan Perkhidmatan Awam 2016). Hal ini telah membantu penyelidikan kerana latar belakang sosioekonomi murid tidak mempunyai jurang yang tinggi.

Bagi memilih sampel, kaedah persampelan rawak telah digunakan. Sementara saiz sampel ditentukan dengan menggunakan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) sebagai panduan dan seramai 196 orang telah diperoleh.

4.3 Pengumpulan Data

Instrumen bagi kajian ini ialah borang soal-selidik. Soal-selidik berkaitan *Motivation, Cultural Values, Learning Processes, and Learning in Chinese Students* telah diadaptasi dari Ouyang (2008) dan *Factors Affecting Academic Performance of Undergraduate Students at Uganda Christian University* oleh Martha (2009). Terdapat empat bahagian dalam soal-selidik ini iaitu bahagian A untuk demografi murid, bahagian B ialah motivasi murid, bahagian C ialah sikap murid dan bahagian D merupakan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah. Bagi bahagian B dan C, Skala Likert 5 Mata digunakan untuk memberi skor, bermula dengan 1 =

Sangat Tidak Setuju; 2 = Tidak Setuju; 3 = Kurang Setuju ; 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju. Bahagian D juga menggunakan Skala Likert 5 Mata namun berbeza pada skor iaitu 1= Tidak Menguasai; 2 = Kurang Menguasai; 3 = Sederhana Menguasai; 4 = Menguasai dan 5 = Amat Menguasai.

4.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Pengesahan isi kandungan instrumen dilaksanakan dengan melibatkan dua orang pakar dalam bidang pendidikan Sejarah. Pemilihan pakar ini dibuat adalah berdasarkan pengalaman dan pencapaian mereka dalam bidang pendidikan Sejarah. Hasil dari semakan pakar, nilai peratusan persetujuan yang diperoleh (*content validity index- CVI*) adalah sebanyak 93.5%, bermakna isi kandungan menepati perkara yang ingin diukur. Namun beberapa penambahbaikan item telah dibuat berdasarkan cadangan pakar-pakar.

Bagi menganalisis kebolehpercayaan instrumen pula, analisis *Cronbach's Alpha* telah dilakukan melalui perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 27.0. Nilai pekali Cronbach's Alpha yang boleh diterima menurut pengamal penyelidikan sains sosial ialah lebih daripada $\alpha = 0.6$ manakala $\alpha < 0.6$ adalah tidak boleh diterima (Ghazali & Sufean 2018; Nunnally & Berstein 1994). Walaupun tiada batasan yang khusus bagi menentukan nilai pekali kebolehpercayaan yang sesuai dalam sesuatu penyelidikan, nilai pekali yang lebih daripada $\alpha = 0.6$ sering digunakan dalam kajian. (Intan, Ramlee & Khoo 2023; Creswell 2012; Babbie 2010). Oleh itu, nilai pekali Cronbach's Alpha yang digunakan dalam kajian ialah 0.6 dan ke atas. Hasil ujian Cronbach's Alpha bagi setiap item konstruk ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha

Item konstruk	Nilai Cronbach's Alpha
Motivasi intrinsik murid dalam mata pelajaran Sejarah	0.862
Motivasi ekstrinsik murid dalam mata pelajaran Sejarah	0.611
Sikap positif murid dalam mata pelajaran Sejarah	0.849
Sikap negatif murid dalam mata pelajaran Sejarah	0.899
Penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah	0.873
Keseluruhan	0.868

(Tahap: Sangat baik dan efektif = 0.8 -1.0, Baik dan boleh diterima = 0.7 – 0.8, Boleh diterima = 0.6 – 0.7, Item perlu diperbaiki = < 0.5, Item perlu digugurkan = < 0.5)

4.5 Analisis Data

Bagi menganalisis data, data deskriptif digunakan untuk menunjukkan nilai min dan peratus motivasi dan sikap murid yang terdapat dalam soal-selidik. Seterusnya, statistik inferensi yang menggunakan analisis korelasi Pearson pula digunakan untuk menguji tentang hubungan antara motivasi dan sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah. Jadual 2 merupakan penginterpretasi skor min bagi skala Likert 5 mata untuk menilai tahap motivasi dan sikap dalam kalangan murid.

Jadual 2: Jadual pengelasan julat min skor bagi tahap motivasi, sikap dan penguasaan murid

Julat Skor	Tahap
4.01 hingga 5.00	Tinggi
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
1.00 hingga 2.00	Rendah

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

Dalam analisis inferensi, nilai yang digunakan untuk menyatakan hubungan dalam ujian hipotesis statistik ialah nilai p . Nilai ini menunjukkan peluang kepada sesuatu peristiwa atau hubungan antara dua pemboleh ubah yang berlaku (Singh 2013). Seterusnya, hubungan antara motivasi dan sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah dinilai melalui nilai pekali korelasi Pearson (r).

5. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini menerangkan tahap motivasi dan sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatan ini melaporkan maklum balas yang diperolehi daripada 196 orang responden.

a) Frekuensi peratusan pencapaian murid dalam Pentaksiran Satu Tahun 2023

Jadual 3 memaparkan peratusan bagi pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah dalam kalangan responden kajian. Melalui analisis frekuensi, seramai 71 orang murid (36.2 %) telah mendapat Gred B dalam Pentaksiran Satu Tahun 2023. Bilangan ini merupakan nilai yang tertinggi diikuti dengan Gred C iaitu seramai 60 orang murid (30.6%). Bagi Gred A pula, seramai 49 orang murid (25.0 %) telah berjaya manakala bilangan murid yang mendapat Gred D hanyalah seramai 16 orang (8.2%) iaitu bilangan murid yang paling sedikit antara kesemua gred ujian. Ini bermakna, tahap pencapaian murid berada pada tahap yang baik dalam Pentaksiran Satu Tahun 2023.

Jadual 3: Peratusan tahap pencapaian Sejarah

Gred Ujian	Bilangan murid	Peratus (%)
E	0	0
D	16	8.2
C	60	30.6
B	71	36.2
A	49	25.0

b) Tahap Motivasi Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah

Jadual 4 melaporkan dapatan untuk objektif kajian pertama. Hasil daripada analisis deskriptif telah mendapati secara keseluruhannya tahap motivasi murid dalam mata pelajaran Sejarah mencatatkan nilai skor min = 3.81 (s.p. = .456). Ini menjelaskan bahawa nilai min bagi konstruk motivasi intrinsik (skor min = 3.95, s.p. = .565) dan motivasi ekstrinsik (skor min = 3.67, s.p. = .490) berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini membuktikan murid-murid mempunyai motivasi yang sederhana tinggi dalam menguasai mata pelajaran Sejarah.

Merujuk pada Jadual 4, motivasi instrinsik mencatatkan skor min lebih tinggi berbanding motivasi ekstrinsik. Cavallo et al. (2003) telah menjelaskan bahawa murid yang mempunyai motivasi intrinsik akan berusaha untuk menguasai sesuatu mata pelajaran dengan sendirinya. Selain itu, murid juga akan mempunyai semangat belajar secara sendiri, mempunyai daya tahan mental dan fizikal yang kuat dan tidak takut akan kegagalan. Mereka juga akan berusaha untuk membuat refleksi sendiri (Adamma et al., 2018). Walaupun begitu, motivasi ekstrinsik turut memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran (Boggiono et al. 1987; Ikmal Rezal et al., 2020).

Jadual 4: Tahap Motivasi Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah

Konstruk	Min	SP
Motivasi Intrinsik (B1 – B10)	3.95	.565
Motivasi Ekstrinsik (B11 – B20)	3.67	.490
Keseluruhan	3.81	.456

Jadual 5 memaparkan maklumat perincian untuk setiap pernyataan. Data menggambarkan peratus persetujuan responden lebih cenderung kepada skala setuju (S) dan sangat setuju (SS). Sebagai contoh, bagi konstruk motivasi intrinsik, item B8 (*Saya lebih gembira sekiranya saya berjaya menjawab soalan sejarah yang ditanya oleh guru*) telah menunjukkan frekuensi peratusan skala likert sangat setuju (SS) yang paling tinggi iaitu sebanyak 58.2% (114). Hal ini telah membuktikan responden bersetuju bahawa motivasi intrinsik membantu mereka dalam menguasai mata pelajaran ini. Data ini juga seiring dengan kajian Brown (2007) yang menjelaskan motivasi intrinsik dapat membantu murid dalam melakukan sesuatu aktiviti demi kepuasan diri sendiri. Bagi dapatan skala likert sangat tidak setuju (STS) pula, item B1 (*Saya sangat bermotivasi untuk belajar sejarah secara bersungguh-sungguh*) telah mencatatkan nilai peratusan 0.0%. Ini bermakna responden mempunyai motivasi dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah. Hal ini disokong dengan item B2 (*Saya sentiasa mendorong diri untuk memahami tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah*) yang mencatatkan nilai skala likert setuju (S) sebanyak 44.4% (87) dan item B3 (*Saya akan cuba menyelesaikan segala latihan yang diberikan oleh guru dengan kehendak sendiri*) dengan peratusan 49.0% (96). Ini telah memberikan gambaran bahawa murid telah menunjukkan minat dalam mata pelajaran Sejarah sekali gus meletakkan tahap motivasi intrinsik mereka pada tahap sederhana tinggi untuk menguasai mata pelajaran ini.

Seterusnya, item yang menunjukkan frekuensi tertinggi dalam konstruk motivasi ekstrinsik ialah item B13 (*Saya suka apabila guru bercerita tentang Sejarah dengan menarik*) iaitu sebanyak 60.7% (119) bagi skala likert sangat setuju (SS). Analisis ini telah menunjukkan bahawa kaedah pengajaran guru yang menarik dapat membantu murid dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatan ini seiring dengan kajian Nurul Faezah (2023) yang menyatakan kaedah penceritaan dapat menarik minat murid dalam mata pelajaran Sejarah. Bagi skala likert sangat tidak setuju (STS) pula, item B11 (*Saya sentiasa berusaha menjawab soalan yang diberikan oleh guru untuk mendapatkan pujian*) mendapat frekuensi tertinggi iaitu seramai 31 orang (15.8%). Hal ini telah menunjukkan bahawa murid tidak mengharapkan pujian guru untuk menjawab soalan yang diberikan namun berasa puas dan gembira kerana dapat menjawab soalan-soalan yang diutarakan oleh guru. Hal ini mengukuhkan lagi dapatan kajian lepas bahawa motivasi bertindak sebagai penggerak atau pembangkit dalam mengawal minat seseorang terhadap sesuatu perkara (Siti, Fadzilah & Samsilah 2019). Secara keseluruhannya, motivasi memainkan peranan yang amat penting dalam mata pelajaran Sejarah.

Jadual 5: Motivasi murid dalam mata pelajaran Sejarah

Item	Pernyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)
B1	Saya sangat bermotivasi untuk belajar sejarah secara bersungguh-sungguh	0 (0)	2 (1.0)	41 (20.9)	98 (50.0)	55 (28.1)
B2	Saya sentiasa mendorong diri untuk memahami tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah	1 (0.5)	8 (4.1)	52 (26.5)	87 (44.4)	48 (24.5)
B3	Saya akan cuba menyelesaikan segala latihan yang diberikan oleh guru dengan kehendak sendiri	1 (0.5)	5 (2.6)	33 (16.8)	96 (49.0)	61 (31.1)

B4	Saya akan cuba memahami fakta Sejarah kerana minat yang mendalam	1 (0.5)	9 (4.6)	44 (22.4)	87 (44.4)	55 (28.1)
B5	Saya suka membaca fakta Sejarah tanpa disuruh oleh guru	1 (0.5)	21 (10.7)	54 (27.6)	62 (31.6)	58 (29.6)
B6	Saya mampu mendapatkan markah yang cemerlang dalam peperiksaan Sejarah	3 (1.5)	15 (7.7)	95 (48.5)	43 (21.9)	40 (20.4)
B7	Saya berusaha untuk memahami fakta Sejarah yang baharu	2 (1.0)	5 (2.6)	29 (14.8)	108 (55.1)	52 (26.5)
B8	Saya lebih gembira sekiranya saya berjaya menjawab soalan sejarah yang ditanya oleh guru	1 (0.5)	5 (2.6)	24 (12.2)	52 (26.5)	114 (58.2)
B9	Saya sentiasa melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah	1 (0.5)	17 (8.7)	78 (39.8)	70 (35.7)	30 (15.3)
B10	Saya mahu memahami fakta-fakta Sejarah dengan baik	1 (0.5)	3 (1.5)	23 (11.7)	87 (44.4)	82 (41.8)
B11	Saya sentiasa berusaha menjawab soalan yang diberikan oleh guru untuk mendapatkan pujian	31 (15.8)	37 (18.9)	60 (30.6)	50 (25.5)	18 (9.2)
B12	Saya suka apabila rakan memberikan tepukan ketika dapat menjawab soalan Sejarah	9 (4.6)	21 (10.7)	59 (30.1)	70 (35.7)	37 (18.9)
B13	Saya suka apabila guru bercerita tentang Sejarah dengan menarik	1 (0.5)	3 (1.5)	7 (3.6)	66 (33.7)	119 (60.7)
B14	Saya suka menonton cerita-cerita berkaitan sejarah	1 (0.5)	10 (5.1)	40 (20.4)	66 (33.7)	79 (40.3)
B15	Saya suka belajar Sejarah dengan bantuan alat teknologi seperti Google dan Youtube.	3 (1.5)	14 (7.1)	42 (21.4)	77 (39.3)	60 (30.6)
B16	Saya perlu menyiapkan kerja sekolah Sejarah untuk tidak dimarahi oleh guru	5 (2.6)	7 (3.6)	29 (14.8)	85 (43.4)	70 (35.7)
B17	Saya perlu menghafal Sejarah untuk tidak diberikan hukuman oleh guru	13 (6.6)	24 (12.2)	70 (35.7)	67 (34.2)	22 (11.2)
B18	Saya hanya berminat belajar Sejarah apabila guru menggunakan bahan yang menarik	13 (6.6)	26 (13.3)	51 (26.0)	69 (35.2)	37 (18.9)
B19	Ibu bapa saya sentiasa membawa saya melawati tempat-tempat bersejarah	11 (5.6)	25 (12.8)	56 (28.6)	61 (31.1)	43 (21.9)
B20	Ibu bapa saya sentiasa bercerita tentang peristiwa Sejarah	13 (6.6)	33 (16.8)	60 (30.6)	45 (23.0)	45 (23.0)
Skor Min		3.81				
Sisihan Piawai		.456				
Tahap Interpretasi		Sederhana Tinggi				

5.3 Tahap Sikap Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah

Dapatan daripada analisis deskriptif keseluruhan bagi tahap sikap murid dalam mata pelajaran Sejarah telah mencatatkan nilai pada sederhana rendah, skor min 2.86, (s.p.=.314). Dapatan nilai ini adalah kerana penyelidik menggunakan perbandingan yang berbeza antara konstruk sikap positif dan konstruk sikap negatif namun menggunakan skala likert yang sama. Bagi konstruk sikap positif, tahap sikap murid dalam mata pelajaran Sejarah telah mencatatkan nilai sederhana tinggi (skor min = 3.87, s.p. = 5.98). Ini melaporkan murid mempunyai sikap yang positif pada tahap sederhana tinggi dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah. Bagi konstruk sikap negatif murid pula, dapatan kajian telah mendapati nilai skor min pada tahap rendah (skor min = 1.86, s.p. = 7.03). Nilai konstruk sikap negatif yang rendah ini telah menyokong dapatan pada konstruk sikap positif di atas. Hasil kajian daripada kedua-dua konstruk ini jelas menunjukkan murid cenderung mempunyai sikap yang baik dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah.

Berdasarkan Jadual 6, data frekuensi untuk konstruk sikap positif dilihat cenderung kepada skala likert setuju (S) dan sangat setuju (SS). Sebagai contoh, peratusan tertinggi bagi konstruk sikap positif yang dicatatkan untuk skala likert sangat setuju (SS) ialah pada item C10 (*Saya*

sentiasa membawa buku teks Sejarah semasa pembelajaran Sejarah dilaksanakan) iaitu seramai 109 orang (55.6%). Perkara ini menjelaskan bahawa murid menunjukkan sikap yang baik serta mempunyai komitmen untuk membawa buku teks sebagai bahan bantu pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah. Tambahan lagi, buku teks yang berkualiti akan menjadikan sesuatu mata pelajaran lebih menarik dan tidak membosankan (Yi, Abdul Razaq, Mohd Mahzan & Norasmah 2020).

Bagi konstruk sikap negatif pula, peratus persetujuan responden untuk setiap item bagi konstruk ini dilihat cenderung kepada sangat tidak setuju (STS) dan tidak setuju (TS). Laporan ini dapat dilihat melalui skala likert untuk sangat tidak setuju (STS) iaitu bagi item C15 (*saya sengaja tidak menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru*) mendapat nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 61.2 peratus (120 orang). Dapatan yang menunjukkan responden sangat tidak setuju (STS) pada item C16 (*Saya sentiasa meniru kerja rumah yang diberikan oleh guru*) yang mencatatkan nilai peratusan 40.3% (79) juga dapat mengukuhkan dapatan bahawa murid mempunyai sikap yang positif dalam pembelajaran Sejarah. Hasil kajian ini sejajar dengan laporan oleh M. Kaviza (2019), yang menjelaskan bahawa tahap sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid adalah pada tahap yang tinggi konsisten dengan dapatan daripada Nursyazwani, Kamarulzaman dan Nur Azuki (2019) yang menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap mata pelajaran Sejarah adalah tinggi.

Jadual 6: Sikap Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah

Item	Pernyataan	STS %	TS %	KS %	S %	SS %
C1	Saya sentiasa fokus semasa guru menyampaikan ilmu Sejarah	4 (2.0)	5 (2.6)	38 (19.4)	95 (48.5)	54 (27.6)
C2	Saya menunjukkan mimik muka gembira melihat kehadiran guru sejarah	5 (2.6)	10 (5.1)	49 (25.0)	80 (40.8)	52 (26.5)
C3	Saya sentiasa bertanya soalan ketika pembelajaran sejarah dijalankan	8 (4.1)	32 (16.3)	81 (41.3)	54 (27.6)	21 (10.7)
C4	Saya sentiasa berusaha menjawab soalan yang diberikan oleh guru	3 (1.5)	11 (5.6)	33 (16.8)	101 (51.5)	48 (24.5)
C5	Saya menyiapkan kerja Sejarah dengan pantas	4 (2.0)	23 (11.7)	64 (32.7)	79 (40.3)	26 (13.3)
C6	Saya sentiasa memberikan kerjasama ketika pembelajaran secara berkumpulan	1 (0.5)	6 (3.1)	29 (14.8)	91 (46.4)	69 (35.2)
C7	Saya tidak merasa bosan untuk mempelajari Sejarah	3 (1.5)	9 (4.6)	40 (20.4)	74 (37.8)	70 (35.7)
C8	Saya berusaha untuk tidak keluar ke tandas ketika mata pelajaran Sejarah diajar	6 (3.1)	9 (4.6)	47 (24.0)	73 (37.2)	61 (31.1)
C9	Saya akan mengakses Internet bagi mengukuhkan pemahaman saya dalam mata pelajaran Sejarah	3 (1.5)	11 (5.6)	60 (30.6)	71 (36.2)	51 (26.0)
C10	Saya sentiasa membawa buku teks Sejarah semasa pembelajaran Sejarah dilaksanakan	4 (2.0)	1 (0.5)	18 (9.2)	64 (32.7)	109 (55.6)
C11	Saya sering mengantuk dalam kelas Sejarah	67 (34.2)	43 (21.9)	65 (33.2)	18 (9.2)	3 (1.5)
C12	Saya tidak suka belajar Sejarah	109 (55.6)	48 (24.5)	29 (14.8)	10 (5.1)	0 (0)
C13	Saya sering mencari alasan untuk tidak menyiapkan kerja Sejarah	109 (55.6)	50 (25.5)	30 (15.3)	7 (3.6)	0 (0)
C14	Saya menunjukkan mimik muka yang gembira sekiranya guru Sejarah tidak dapat masuk ke kelas	85 (43.4)	51 (26.0)	49 (25.0)	10 (5.1)	1 (0.5)
C15	Saya sengaja tidak menyiapkan kerja Sejarah yang diberikan oleh guru	120 (61.2)	49 (25.0)	17 (8.7)	8 (4.1)	2 (1.0)
C16	Saya sentiasa meniru kerja rumah yang diberikan oleh guru	79 (40.3)	55 (28.1)	48 (24.5)	13 (6.6)	1 (0.5)

C17	Saya bercakap dengan kawan ketika guru sedang mengajar	73 (37.2)	44 (22.4)	63 (32.1)	12 (6.1)	4 (2.0)
C18	Saya tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan	96 (49.0)	54 (27.6)	37 (18.9)	9 (4.6)	0 (0)
C19	Saya sentiasa ingin menjadi ketua dan tidak suka orang lain menjadi ketua	111 (56.6)	42 (21.4)	27 (13.8)	10 (5.1)	6 (3.1)
C20	Saya sukar untuk mendengar arahan guru Sejarah	100 (51.0)	43 (21.9)	39 (19.9)	13 (6.6)	1 (0.5)
Skor Min		2.86				
Sisihan Piawai		0.314				
Tahap Interpretasi		Sederhana Rendah				

5.4 Hubungan antara Tahap Motivasi dengan Penguasaan Murid dalam Mata pelajaran Sejarah

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah.

Jadual 7: Korelasi Pearson antara Motivasi dengan Penguasaan Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah

	Penguasaan Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Tahap Motivasi Murid	0.619	0.000

Dapatan analisis korelasi dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah ($r = 0.619, p < 0.05$). Maka hipotesis nol pertama dalam kajian ini berjaya ditolak. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah. Hal ini selari dengan kajian Ghazala dan Anjum (2011) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik murid. Manakala dapatan ini bertentangan dengan Puteri Nazlin (2020) yang menyatakan bahawa pencapaian akademik pelajar tidak dipengaruhi oleh tahap motivasi instrinsik murid. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang tinggi antara motivasi dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah.

5.5 Hubungan antara Tahap Sikap dengan Penguasaan Murid dalam Mata pelajaran Sejarah

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah

Jadual 8: Korelasi Pearson antara Sikap dengan Penguasaan Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah

	Penguasaan Murid dalam Mata Pelajaran Sejarah	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Tahap Sikap Murid	0.183	0.010

Hasil analisis korelasi dalam Jadual 8 mencatatkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah ($r = 0.183, p < 0.05$). Maka hipotesis nol berjaya ditolak. Hal ini telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah. Dapatan ini telah disokong oleh dapatan Kian dan Sofwan (2021) yang menjelaskan bahawa sikap dapat mempengaruhi penguasaan dan pencapaian murid dalam pembelajaran.

Walaupun begitu, dapatan ini bercanggah dengan kajian oleh Chew (2023) yang mendapati bahawa sikap murid tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik mereka.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada analisis korelasi yang mengkaji hubungan kekuatan antara pemboleh ubah, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah.

6. Rumusan

Secara amnya, tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kefahaman berkaitan hubungan antara motivasi dan sikap dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah. Hasil dapatan kajian telah merumuskan bahawa motivasi merupakan salah satu faktor yang dapat membantu murid menguasai mata pelajaran ini. Keperluan untuk menyuntik minat terhadap mata pelajaran Sejarah sejak di bangku sekolah rendah adalah amat penting bagi memastikan murid berupaya untuk memahami kepentingan mata pelajaran ini dan mendapat keputusan yang cemerlang bagi mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di Tingkatan Lima. Selain itu, sikap yang diamalkan oleh murid dalam mata pelajaran ini juga perlu diberikan perhatian agar murid dapat dibimbing dengan sewajarnya oleh guru dan ibu bapa. Penonjolan sikap yang positif mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan murid dalam mata pelajaran ini. Sikap yang positif akan membantu murid untuk membimbing mereka bagi menguasai mata pelajaran Sejarah dengan jayanya.

Sehubungan itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memudahkan pihak yang bertanggungjawab iaitu pihak penggubal kurikulum Sejarah, pihak sekolah, guru dan ibu bapa bagi mencari inisiatif terbaik untuk membantu murid menguasai mata pelajaran ini. Perubahan arus teknologi juga telah membuka ruang untuk murid-murid mempelajari Sejarah secara sendiri dengan kaedah yang menyeronokkan. Guru-guru juga perlulah sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan Sejarah selari dengan perubahan arus semasa agar dapat merangsang murid dan memberikan motivasi kepada mereka untuk mengetahui secara lebih mendalam tentang Sejarah khususnya Sejarah negara kita yang tercinta. Konklusinya, jika hasil laporan daripada kajian ini digunakan bagi meneroka secara mendalam hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut, ia berpotensi untuk meningkatkan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah khususnya di sekolah rendah.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (Ethics Approval and Consent to Participate)

Penyelidik telah menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang telah ditetapkan telah dipatuhi sepanjang menjalankan kajian ini. kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperolehi daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (Acknowledgement)

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan untuk menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua responden yang telah memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Konflik Kepentingan (Conflict of Interest)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Aini Hassan. (1998). Pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah. Guru sebagai broker ilmu sejarah. *Masalah Pendidikan*, 21(1), 109 – 120.
- Abdul Muis, Ulung Napitu & Hisarma Saragih. (2023). Pembelajaran pelajaran sejarah menjadi bermakna dengan pendekatan kontekstual. *Journal of Education*, 5(4), 13484 – 13497.
- Amraei, K., Elahi, S.R., Zalani, H.A. & Parhoon, H. (2011). The relationship between academic motivation and academic achievement students. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*, 15(2), 399 – 402.
- Ambika Luhitadati, Maskun & Suparman Arif. (2017). Hubungan motivasi berprestasi dengan hasil belajar siswa pada mata pelajaran sejarah. *Jurnal Pendidikan dan Penelitian Sejarah*, 5(8), 1-12.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajaran dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Blank, C. & Shavit, Y. (2016). The association between student reports of classmates' disruptive behaviour and student achievement. *American Educational Research Association*, 2(3), 1-17. <https://doi.org/10.1177/2332858416653921>
- Demie, F., Lewis, K. and McLean. C. (2007). *Raising the Achievement of Somali Pupils: Challenges and school responses*. London: Lambeth Research and Statistics Unit.
- Dhakal, K. R.(2020). Factors affecting academic performance of student at community secondary school in Nepal. *Merit Research Journal of Education and Review*, 8(9), 165 – 170.
- Ghanney, R.A. & Aniagyei, D. F. (2014). An investigation into the poor academic performance of students at selected public basic schools in Obuasi Municipality. *Research on Humanities and Social Science*, 4(9),8-18.
- Ghazala, N. & Anjum, N. (2011). A study of relationship between achievement motivation, self concept and achievement in English and Mathematics at secondary level. *International Education Studies*, 4(3),72 -79.
- Hayati Ibrahim. (2016, 20 Disember). KSSR Semakan dilaksanakan mulai Januari. *Harian Metro* <https://www.hmetro.com.my>
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan rangka kerja metodologi dalam kajian penyelidikan: satu kajian kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 17-23.
- Isik, H. (2008). Effects of relating elementary school history topics with local history on student success. *Journal of International Social Research*, 1(4), 290-310.
- Jublin Nanang, Saemah Rahman & Shahlan Surat. (2021). Motivasi menggunakan e-pembelajaran dan pencapaian sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 454-464. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12939>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tahun Empat*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Semakan 2017) Sejarah Tahun 6*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kementerian Wilayah Persekutuan. (2022). *Kompedium Kementerian Wilayah Persekutuan*. Putrajaya.
- Kian, C.Y. & Muhammad Sofwan Mahmud. (2021). Hubungan sikap dengan pencapaian Matematik T pelajar pra-universiti di Kinta Utara, Perak. *International Virtual Conference on Education, Social Science and Technology*, 3(3), 288-302.
- Konaen, Sit Nazurana Abd Rahman, Fadzilah Roslan & Samsilah. (2019). Meneroka sikap dan motivasi murid rendah pencapaian bahasa Melayu: satu kajian kes di Felda. *International Journal of Education and Training*, 5(1), 1-9.
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). Motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama. Unpublished Masters thesis, Universiti Malaya
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). Motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama. Unpublished Masters thesis, Universiti Malaya
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). Motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama. Unpublished Masters thesis, Universiti Malaya
- Krejcie, R.V. & Morgan D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607 – 610.
- M. Kaviza. (2019). Kecenderungan gaya pembelajaran murid dalam mata pelajaran sejarah: satu kajian awal. *Malaysia Journal of Social Science and Humanities*, 4(1), 82-90. doi: 10.47405/mjssh.v4i1.192.
- Martha, K. (2005). *Factors affecting academic performance of undergraduate students at Uganda Christian University*. [Master's thesis, Makerere University]. Makerere University Repository. <https://www.mak.ac.ug>.
- Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah di Malaysia. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39 (2): 116-141.
- Muhamad Shafiq, M. R. & Noraini, A. R. (2018). Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science*, 3, 77–87.
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). *Motivasi dalam pembelajara bahasa Arab di sekolah menengah agama*. [Unpublished Master's Thesis]. Universiti Malaya.
- Ndim, D. (2021). Student's interest on the academic performance in history in secondary schools in Ikom local government. *Social Science Research Network*, <https://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3865814>.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. (2023, 15 Jun). Kenal pasti punca 8.4 peratus calon SPM 2022 tidak layak dapat sijil. <https://www.hmetro.com.my>
- Norhazira Abdul Rahim, Sahril Agus & Nor Ajiratul Asikin. (2021). Minat dan sikap pelajar terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PDPC) dalam pendidikan jasmani. *Attarbawiy: Malaysia Online Journal of Education*, 5(2). <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v5i2.16>.
- Nunnally, J.C. & Berstein, I.H. (1994). The Assessment of Reliability. *Psychometric Theory*, 3, 248 – 292.
- Nurul Faezah Rosli, Zal Hasmi Anuar & Anuar Ahmad. (2023). Kesiediaan guru sejarah melaksanakan teknik penceritaan dan hubungannya dengan minat pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal Management System*, 5(1), 442-451.
- Nuttall, D. (2021). What is the purpose of studying history? Developing students' perspectives on the purposes and value of the history education. *History Education Research Journal*, 18(1), 89-108.

- Ouyang, L. (2008). Motivation, cultural values, learning processes and learning in Chinese students. [Master's Thesis, Queen's University Kingston]. Faculty of Education, Queen's University Kingston. <https://central.bac-lac.gc.ca>.
- Peng, C.F. (2023). Hubungan antara persepsi, sikap dan pencapaian bahasa Melayu murid-murid Cina di sekolah kebangsaan Cina pilihan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 41-59.
- Riska Yurnaliza & Totoh Andayono, ST. (2019). Faktor-faktor yang mempengaruhi hasil belajar mahasiswa bidikmisi fakultas teknik universitas negeri padang. *CIVED Jurusan Teknik Sipil*, 6(4). <http://ejournal.unp.ac.id>.
- Singh, P. (2013). P value, statistical significance and clinical significance. *Basic Research For Clinicians*, 2(4), 202-204.
- Soyer, C. & Caganaga, C.K. (2019). Evaluation of high school students's peceptions of the importance of history lessan and the students' achievement. *Open Access Library Journal*, 6(7), 1-11.
- Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1). (2023). *Manual Pengurusan Sekolah*. Putrajaya: Penulis.
- Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 5 (1). (2023). *Manual Pengurusan Sekolah*. Putrajaya: Penulis.
- Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11 (3). (2023). *Manual Pengurusan Sekolah*. Putrajaya: Penulis.
- Tokan, M.K. & Imakulata, M.M. (2019). The effect of motivation and learning behaviour on student achievement. *South African Journal of Education*, 39(1), 1-8.
- Yilmaz, E., Sahin, M., & Turgut, Mehmet. (2017). Variables affecting student motivation based on academic publications. *Journal of Education and Practice*. 8(12). 112 -120.
- Yi, L.Y., Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang & Norasmah Othman. (2020). Kandungan buku teks dan hubungannya dengan pengetahuan pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 59 – 67.